

SULIT

**JABATAN PELAJARAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



PRA PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2012 45/1
PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 1
Ogos 2012
2 jam **Dua jam**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
 2. *Jawab satu soalan daripada Bahagian A dan semua soalan dalam Bahagian B.*
 3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

Bahagian A

[20 markah]

Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Jawab **satu** soalan sahaja.

1 (a) Firman Allah SWT:

﴿ يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا
أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا ۚ وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ
الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴾
(سورة البقرة : 219)

Ayat di atas menerangkan tentang arak dan judi memusnahkan kehidupan.

- (i) Apakah maksud judi? [2 markah]
- (ii) برداسرکن اية، پاتاکن فثرتين کلمة یغ برکاریس. [2 markah]
- (iii) Nyatakan keburukan judi dalam kehidupan. [2 markah]
- (iv) Jelaskan **dua** cara menghindarkan diri daripada meminum arak dan berjudi. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي بَكْرٍ عَنِ النَّبِيِّ قَالَ : أُعِدُّ عَالِمًا أَوْ مُتَعَلِّمًا أَوْ مُسْتَمِعًا أَوْ مُحِبًّا وَ لَا تَكُنْ
الْحَامِسَةَ فَتُهْلِكَ.
(رواه الطبراني)

Hadis di atas menyenaraikan golongan orang yang menuntut ilmu.

- (i) Berdasarkan hadis, nyatakan **dua** golongan tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faedah menuntut ilmu. [4 markah]

- (c) Tulis semula rangkai kata yang bergaris mengikut nombor dalam petikan di bawah dalam tulisan jawi.

Di samping itu, ⁽ⁱ⁾ mereka juga diberi keistimewaan yang ⁽ⁱⁱ⁾ tidak ada kepada orang
yang sempurna. Terdapat di kalangan mereka ⁽ⁱⁱⁱ⁾ yang menjadi penghafaz al-Quran
yang mahir, ^(iv) sasterawan yang hebat dan seniman yang agung.

[4 markah]

2 (a) Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ ۗ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا
وَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا ۗ أُولَئِكَ كَالْأَنْعَمِ بَلَّ هُم
أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾
(سورة الأعراف : 179)

Ayat di atas menerangkan kepentingan memanfaatkan anugerah Allah SWT.

- (i) Nyatakan **dua** anugerah Allah SWT yang terdapat dalam ayat di atas. [2 markah]
- (ii) برداسرکن اية، پاتاکن فثرتین کلمة یغ برکاریس. [2 markah]
- (iii) Berikan contoh penyalahgunaan mata. [2 markah]
- (iv) Jelaskan **dua** akibat penyalahgunaan nikmat Allah SWT dalam kehidupan seharian. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي يَعْلَى شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
قَالَ : إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا
ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ وَلْيُحَدِّثْ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ وَلْيُرِخْ ذِيحَتَهُ.
(رواه مسلم)

Hadis di atas menjelaskan sifat ihsan terhadap binatang.

- (i) Apakah maksud ihsan terhadap binatang? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** bentuk penganiayaan terhadap binatang. [4 markah]

- (c) Tulis petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

Seseorang murid yang ingin berjaya dalam peperiksaan wajib merancang dan membuat persediaan sebelum memasuki dewan peperiksaan.

[4 markah]

Bahagian B

[80 markah]

Jawab semua soalan

- 3 (a) Rajah 1 di bawah adalah berkaitan dengan nama-nama ilmu akidah.

Nama-nama lain ilmu akidah	
• Ilmu Usuluddin	
• _____	X
• _____	Y
• Ilmu Makrifat	

Rajah 1

- (i) Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul. [2 markah]
- (ii) Nyatakan ciri akidah yang salah. [2 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** perbezaan antara sifat malaikat dengan sifat manusia. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** kesan beriman kepada para Malaikat. [4 markah]
- (c) Berikut adalah salah satu ketinggian nikmat di syurga.

“ Kata-kata aluan dan ucapan lunak yang diucapkan kepada penghuni syurga ”

- (i) Nyatakan **dua** nikmat syurga yang lain. [4 markah]
- (ii) Jelaskan hikmah Allah SWT mengadakan neraka. [2 markah]
- (iii) Nyatakan langkah menghindari amalan yang menjurus kepada dosa. [2 markah]

SULIT

7

45/1

- 4 (a) (i) Apakah maksud solat sunat Aidil Fitri? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** amalan yang digalakkan sebelum solat sunat Aidil Fitri. [4 markah]
- (iii) Berikan perbezaan antara solat sunat Aidil Fitri dengan solat Jumaat. [2 markah]
- (b) (i) Apakah hukum istinja? [2 markah]
- (ii) Berikan contoh benda-benda kesat yang digunakan untuk beristinja. [4 markah]
- (iii) Jelaskan cara beristinja yang paling afdal. [2 markah]

Soalan 4 (c) (i) hingga 4 (c) (iv) berdasarkan jadual di bawah.

Wajib	Sunat	Harus	Makruh	Haram
-------	-------	-------	--------	-------

Jadual 1

- (c) Berdasarkan Jadual 1 di atas, nyatakan hukum bagi situasi berikut:
- (i) Siti Fatimah berwuduk sebelum mandi wajib. [1 markah]
- (ii) Puan Rafidah berpuasa sunat pada 30 Syaaban. [1 markah]
- (iii) Ali dan Ahmad bercakap-cakap ketika mengambil wuduk di surau sekolah. [1 markah]
- (iv) Pak Samad berbuka puasa bulan Ramadhan kerana mengidap kanser hati yang tiada harapan sembuh. [1 markah]

SULIT

8

45/1

- 5 (a) Rasulullah SAW menjalankan dakwah secara terancang dan sesuai dengan keadaan umat Islam waktu itu.
- (i) Nyatakan peringkat dakwah Rasulullah SAW. [2 markah]
 - (ii) Siapakah orang yang mula-mula menerima Islam daripada kalangan sahabat? [2 markah]
- (b) Pembukaan Kota Mekah merupakan peristiwa penting dalam sejarah Islam.
- (i) Apakah langkah yang diambil oleh Rasulullah SAW selepas pembukaan Kota Mekah? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** faktor kejayaan pembukaan Kota Mekah. [4 markah]
- (c) Saiyidatina Khadijah bt. Khuwailid radiallahuanha merupakan isteri kepada Rasulullah SAW.
- (i) Berapakah usia Saiyidatina Khadijah bt Khuwailid ketika berkahwin dengan Rasulullah SAW? [1 markah]
 - (ii) Senaraikan **tiga** sifat mulia Saiyidatina Khadijah bt. Khuwailid. [3 markah]

Soalan 5 (d) (i) dan 5 (d) (ii) berdasarkan Jadual 2.

قَالَ رَبَّنَا	مَا كَسَبَتْ	لَنَكُونَنَّ	أَخْطَاؤَنَا	وَإِنْ لَمْ	حَمَلْتَهُ
----------------	--------------	--------------	--------------	-------------	------------

Jadual 2

(d) Berdasarkan Jadual 2, isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul. Anda dikehendaki menulis jawapan sahaja.

(i)

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا (P) وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ
 رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ (Q) رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا
 إِصْرًا كَمَا (R) عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا
 (سورة البقرة : 286)

[3 markah]

(ii)

ظَامِنًا أَنْفُسَنَا (S) تَغْفِرَ لَنَا وَتَرْحَمَنَا (T)
 مِنْ الْخَسِرِينَ (U)
 (سورة الأعراف : 23)

[3 markah]

SULIT

10

45/1

- 6** (a) (i) Nyatakan **dua** cara beradab dengan guru. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat derhaka kepada guru. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** perkara yang boleh dilakukan oleh pelajar untuk mengenang jasa dan pengorbanan guru. [4 markah]
- (b) Nyatakan **dua** contoh amalan baik ketika bergaul dengan keluarga. [2 markah]
- (c) (i) Jelaskan **dua** adab ketika berada di dalam masjid. [4 markah]
- (ii) Terangkan kelebihan menjaga adab-adab di dalam masjid atau surau. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



**JABATAN PELAJARAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

PRAPENILAIAN MENENGAH RENDAH 2012 45/1(PP)
PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 1
Peraturan Pemarkahan
Ogos 2012

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

PERATURAN PEMARKAHAN

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

Soalan			Contoh Jawapan	Markah
1	(a)	(i)	Maksud judi: <ul style="list-style-type: none"> - Permainan yang menggunakan wang dan sebagainya dengan tujuan pertaruhan seperti tikam nombor ekor 	1 isi x 2 m = 2 m
		(ii)	Pengertian kalimah yang bergaris: <ul style="list-style-type: none"> - Arak - Tanda-tanda 	2 isi x 1 m = 2 m
		(iii)	Keburukan judi dalam kehidupan. <ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan individu yang mengabaikan perintah Allah - Mengabaikan tanggungjawab kepada keluarga, masyarakat dan negara - Merosakkan akal fikiran, kesihatan dan membahayakan keselamatan diri - Berlaku perkara-perkara jenayah - Menjadikan seseorang itu malas berusaha - Terdedah kepada godaan syaitan 	1 isi x 2 m = 2 m
		(iv)	Dua cara menghindarkan diri daripada meminum arak dan berjudi. <ul style="list-style-type: none"> - Tidak berkawan dengan peminum arak dan penjudi - Tidak pergi ke tempat yang menjalankan kegiatan tersebut - Sentiasa mengambil makanan yang halal - Tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah - Bijak merancang perbelanjaan dan berjimat cermat - Selalu berdoa supaya dihindarkan dari meminum arak dan berjudi 	2 isi x 2 m = 4 m
	(b)	(i)	Dua golongan yang menuntut ilmu berdasarkan hadis. <ul style="list-style-type: none"> - Guru - Pelajar - Pendengar - Orang yang cintakan ilmu 	2 isi x 1 m = 2 m
		(ii)	Dua faedah menuntut ilmu. <ul style="list-style-type: none"> - Hidup mulia dan dihormati - Berdaya maju setanding dengan bangsa lain - Mengangkat martabat agama, bangsa dan negara - Dapat membezakan antara yang hak dan batil - Dapat berbakti kepada masyarakat dan negara - Membangunkan ekonomi umat Islam - Diredai dan dikasihi Allah - Mentaati dan berbakti kepada ibu bapa 	2 isi x 2 m = 4 m

	(c)	<p>Tulis rangkai kata bergaris dalam tulisan jawi:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p style="text-align: center;">- مريك جوك دبري كاءستيميواءن - تيدق اد كقد اورغ - يغ منجادي فحفظ القرءان - سستراون يغ هييت</p> </div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px auto; width: fit-content;"> <p>Catatan: 1. Perkataan yang dieja dengan betul sahaja akan diambil kira dalam pemberian markah. 2. Huruf cerai tidak diterima. 3. Ejaan mengikut jawi DBP</p> </div>	<p>4 isi x 1 m = 4 m</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="padding: 2px;">1m</td> <td style="padding: 2px;">1-4 perkataan</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">2m</td> <td style="padding: 2px;">5-8 perkataan</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">3m</td> <td style="padding: 2px;">9-12 perkataan</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">4m</td> <td style="padding: 2px;">13-16 perkataan</td> </tr> </table>	1m	1-4 perkataan	2m	5-8 perkataan	3m	9-12 perkataan	4m	13-16 perkataan
1m	1-4 perkataan										
2m	5-8 perkataan										
3m	9-12 perkataan										
4m	13-16 perkataan										
2	(a)	<p>(i) Dua anugerah Allah SWT yang terdapat dalam ayat di atas.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mata - Telinga - Hati - Akal 	<p>2 isi x 1 m = 2 m</p>								
		<p>(ii) Pengertian kalimah yang bergaris:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jin - Golongan yang lalai 	<p>2 isi x 1 m = 2 m</p>								
		<p>(iii) Contoh penyalahgunaan mata.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melihat benda yang diharamkan / Melihat gambar pornografi / Melihat aurat lelaki atau wanita 	<p>1 isi x 2 m = 2 m</p>								
		<p>(iv) Dua akibat penyalahgunaan nikmat Allah SWT dalam kehidupan seharian.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif - Hati menjadi keras - Kehidupan tidak berdisiplin - Tidak disukai masyarakat - Susah menerima kebenaran - Bertindak mengikut hawa nafsu - Sanggup melakukan kezaliman - Menerima azab Allah SWT di akhirat 	<p>2 isi x 2 m = 4 m</p>								

	(b)	<p>(i) Maksud ihsan terhadap binatang.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Membuat kebaikan seperti bertimbang rasa dan tidak menganiayainya ketika menyembelih 	<p>1 isi x 2 m = 2 m</p>								
		<p>(ii) Dua bentuk penganiayaan terhadap binatang.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memelihara binatang dalam sangkar - Menyabung atau melaga binatang - Memusnahkan habitat binatang - Mengurung binatang tanpa memberi makan - Memukul dan menyiksa binatang - Melontar atau menghumban binatang - Menjadikan sasaran untuk latihan memanah 	<p>2 isi x 2 m = 4 m</p>								
	(c)	<p>Tulis petikan menggunakan tulisan jawi.</p> <p>سسأورغ موريد يغ ايغين / برجاي دالم قثريقساءن واجب / مرنچغ دان ممبوات قرسدياءن / سبلوم مماسوقي ديوان قثريقساءن.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"> <p>Catatan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perkataan yang dieja dengan betul sahaja akan diambil kira dalam pemberian markah. 2. Huruf cerai tidak diterima. 3. Ejaan mengikut jawi DBP. 4. Perkataan yang berulang dikira sekali sahaja. </div>	<p>4 isi x 1 m = 4 m</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="padding: 2px;">1m</td> <td style="padding: 2px;">1-4 perkataan</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">2m</td> <td style="padding: 2px;">5-8 perkataan</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">3m</td> <td style="padding: 2px;">9-12 perkataan</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">4m</td> <td style="padding: 2px;">13-16 perkataan</td> </tr> </table>	1m	1-4 perkataan	2m	5-8 perkataan	3m	9-12 perkataan	4m	13-16 perkataan
1m	1-4 perkataan										
2m	5-8 perkataan										
3m	9-12 perkataan										
4m	13-16 perkataan										

3	(a)	(i)	Lengkapkan tempat kosong. <ul style="list-style-type: none"> - Ilmu Tauhid - Ilmu Kalam 	2 isi x 1 m = 2 m										
		(ii)	Ciri akidah yang salah. <ul style="list-style-type: none"> - Menafikan tentang keesaan dan kekuasaan Allah SWT - Mengamalkan kepercayaan yang bertentangan dengan al-Quran - Melakukan perbuatan yang mensyirikkan Allah SWT 	1 isi x 2 m = 2 m										
	(b)	(i)	Dua perbezaan antara sifat malaikat dengan sifat manusia. <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Sifat Malaikat</th> <th style="text-align: center;">Sifat Manusia</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tidak berkahwin/Tidak berketurunan</td> <td>Berkahwin/berketurunan</td> </tr> <tr> <td>Tidak makan dan tidak minum</td> <td>Makan dan minum</td> </tr> <tr> <td>Tidak tidur</td> <td>Tidur dan jaga</td> </tr> <tr> <td>Tidak dapat dikesan oleh pancaindera manusia</td> <td>Dapat dilihat dengan mata kasar</td> </tr> </tbody> </table>	Sifat Malaikat	Sifat Manusia	Tidak berkahwin/Tidak berketurunan	Berkahwin/berketurunan	Tidak makan dan tidak minum	Makan dan minum	Tidak tidur	Tidur dan jaga	Tidak dapat dikesan oleh pancaindera manusia	Dapat dilihat dengan mata kasar	2 isi x 2 m = 4 m
		Sifat Malaikat	Sifat Manusia											
Tidak berkahwin/Tidak berketurunan	Berkahwin/berketurunan													
Tidak makan dan tidak minum	Makan dan minum													
Tidak tidur	Tidur dan jaga													
Tidak dapat dikesan oleh pancaindera manusia	Dapat dilihat dengan mata kasar													
(ii)	Dua kesan beriman kepada para Malaikat. <ul style="list-style-type: none"> - Menerima dan mematuhi arahan yang tidak bercanggah dengan syariat. - Berwaspada dalam sebarang tindakan. - Berhati-hati dan teliti dalam membuat sesuatu tindakan. - Cintakan ilmu. - Kuat dan tekun bekerja. <p style="text-align: center;">Catatan: Sila rujuk jawapan pada Buku Teks Tingkatan 2 muka surat 129,135 dan 136</p>	2 isi x 2 m = 4 m												

		(ii)	<p>Hikmah Allah SWT mengadakan neraka.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Balasan untuk orang yang mengingkari kewujudan Allah SWT - Menepati janji Allah SWT yang disebut di dalam kitab-kitab suci - Setiap dosa dan kesalahan yang terlepas hukumannya di dunia tidak terlepas menerima hukuman Allah SWT - Membuktikan keadilan mutlak Allah SWT pada hari akhirat - Menunjukkan Allah SWT berkuasa melakukan apa-apa yang dikehendaki 	<p>1 isi x 2 m = 2 m</p>
		(iii)	<p>Langkah menghindari amalan yang menjurus kepada dosa.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menginsafi keperitan azab dalam neraka - Berdoa supaya Allah SWT memberikan kekuatan menghindari maksiat dan godaan syaitan - Melaksanakan hukum-hukum berdasarkan syariat Islam - Segera beristighfar dan bertaubat apabila terlanjur melakukan dosa - Mendampingi orang alim 	<p>1 isi x 2 m = 2 m</p>
4	(a)	(i)	<p>Maksud solat sunat Aidil Fitri.</p> <ul style="list-style-type: none"> - solat Sunat dua rakaat yang dilakukan oleh umat Islam / pada pagi 1 Syawal. 	<p>1 isi x 2 m = 2 m</p>
		(ii)	<p>Dua amalan yang digalakkan sebelum solat sunat Aidil Fitri.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hidupkan malam dengan ibadat - Mandi sunat pagi hari - Memakai pakaian baru & bersih - Memakai wangi-wangian – kaum lelaki - Bermaaf-maafan dengan keluarga / ibu bapa 	<p>2 isi x 2 m = 4 m</p>

	(iii)	Perbezaan antara solat sunat Aidil Fitri dengan solat Jumaat.															
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Solat Sunat Aidil Fitri</th> <th>Solat Jumaat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sunat kepada lelaki & perempuan</td> <td>Wajib kepada lelaki mukallaf yang bermukim.</td> </tr> <tr> <td>Waktu pagi duha setiap 1 Syawal & 10 Zulhijjah</td> <td>Waktu Zohor setiap hari Jumaat</td> </tr> <tr> <td>Khutbah selepas solat</td> <td>Khutbah sebelum solat</td> </tr> <tr> <td>Di masjid, surau atau di padang</td> <td>Masjid atau surau yang dibenarkan.</td> </tr> <tr> <td>Bersendirian atau secara berjemaah tetapi tidak ditentukan bilangan</td> <td>Wajib berjemaah sekurang-kurangnya 40 orang.</td> </tr> <tr> <td>Disunatkan takbir & tasbih sebelum membaca al Fatihah.</td> <td>Tiada takbir & tasbih sebelum al Fatihah.</td> </tr> </tbody> </table>	Solat Sunat Aidil Fitri	Solat Jumaat	Sunat kepada lelaki & perempuan	Wajib kepada lelaki mukallaf yang bermukim.	Waktu pagi duha setiap 1 Syawal & 10 Zulhijjah	Waktu Zohor setiap hari Jumaat	Khutbah selepas solat	Khutbah sebelum solat	Di masjid, surau atau di padang	Masjid atau surau yang dibenarkan.	Bersendirian atau secara berjemaah tetapi tidak ditentukan bilangan	Wajib berjemaah sekurang-kurangnya 40 orang.	Disunatkan takbir & tasbih sebelum membaca al Fatihah.	Tiada takbir & tasbih sebelum al Fatihah.	1 isi x 2 m = 2 m
Solat Sunat Aidil Fitri	Solat Jumaat																
Sunat kepada lelaki & perempuan	Wajib kepada lelaki mukallaf yang bermukim.																
Waktu pagi duha setiap 1 Syawal & 10 Zulhijjah	Waktu Zohor setiap hari Jumaat																
Khutbah selepas solat	Khutbah sebelum solat																
Di masjid, surau atau di padang	Masjid atau surau yang dibenarkan.																
Bersendirian atau secara berjemaah tetapi tidak ditentukan bilangan	Wajib berjemaah sekurang-kurangnya 40 orang.																
Disunatkan takbir & tasbih sebelum membaca al Fatihah.	Tiada takbir & tasbih sebelum al Fatihah.																
(b)	(i)	Hukum istinjak. - Wajib	1 isi x 2 m = 2 m														
	(ii)	Contoh benda-benda kesat yang digunakan untuk beristinjak. - Kertas - Batu - Kayu - Daun kering - Tisu	2 isi x 2 m = 4 m														
	(iii)	Cara beristinjak yang paling afdal. - Bersihkan tempat keluar najis dengan 3 biji batu, kemudian basuh dengan air mutlak sehingga bersih	1 isi x 2 m = 2 m														
(c)	Hukum bagi situasi:																
	(i)	Sunat	[1 markah]														
	(ii)	Haram	[1 markah]														
	(iii)	Makruh	[1 markah]														
	(iv)	Harus	[1 markah]														

5	(a)	(i)	<p>Peringkat dakwah Rasulullah SAW.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berdakwah secara rahsia - Berdakwah secara terus terang kepada kaum kerabat - Berdakwah secara terus terang kepada orang ramai 	<p>1 isi x 2 m = 2 m</p>
		(ii)	<p>Orang yang mula-mula menerima Islam daripada kalangan sahabat.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Saiyidina Abu Bakar as-Siddiq 	<p>1 isi x 2 m = 2 m</p>
	(b)	(i)	<p>Langkah yang diambil oleh Rasulullah SAW selepas pembukaan Kota Mekah.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memusnahkan berhala di sekeliling Kaabah - Solat sunat di Makam Ibrahim - Laungan azan oleh Bilal bin Rabbah - Memberi ucapan pertama kepada penduduk Mekah - Memberi pengampunan kepada musuh 	<p>1 isi x 2 m = 2 m</p>
		(ii)	<p>Dua faktor kejayaan pembukaan Kota Mekah.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kebijakan Rasulullah SAW menyusun strategi - Semangat jihad umat Islam yang tinggi - Penduduk Mekah tertarik dengan Islam - Perpaduan umat Islam yang kukuh - Ramai pembesar dan panglima Quraisy memeluk Islam - Tentera Musyrikin bertambah lemah/ramai pembesar dan panglima tentera Quraisy terkorban dalam peperangan 	<p>2 isi x 2 m = 4 m</p>
	(c)	(i)	<p>Usia Saiyidatina Khadijah bt Khuwailid ketika berkahwin dengan Rasulullah SAW.</p> <ul style="list-style-type: none"> - 40 Tahun 	<p>1 isi x 1 m = 1 m</p>
		(ii)	<p>Tiga sifat mulia Saiyidatina Khadijah bt. Khuwailid.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Taat kepada perintah Allah SWT - Berakhlak mulia - Dermawan - Sabar/Tabah/Cekal - Penyayang - Berwawasan - Berfikiran kreatif 	<p>3 isi x 1 m = 3 m</p>

	(d)	(i)	P مَا كَسَبَتْ	
			Q أَخْطَأْنَا	
			R حَمَلَتْهُ	3 isi x 1 m = 3 m
		(ii)	S قَالَا رَبَّنَا	
			T وَإِنْ لَمْ	
			U لَنَكُونَنَّ	3 isi x 1 m = 3 m
6	(a)	(i)	<p>Dua cara beradab dengan guru.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendahulukan memberi salam apabila bertemu. - Bercakap menggunakan bahasa yang sopan. - Menolong guru dengan ikhlas. - Manis muka dan ceria menerima teguran dan nasihat guru. - Mengucapkan terima kasih setelah guru selesai mengajar. - Menundukkan kepala atau meminta izin apabila lalu di hadapan guru. - Bertanya khabar apabila bertemu guru di luar kawasan sekolah. - Mengucapkan tahniah sekiranya guru memperolehi kejayaan. - Mengucapkan takziah apabila guru ditimpa musibah. <p>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)</p>	2 isi x 2 m = 4 m
		(ii)	<p>Dua akibat derhaka kepada guru.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ilmu yang dipelajari tidak mendapat keberkatan daripada Allah SWT. - Tidak bermoral dan rendah budi pekerti. - Ketinggalan dalam bidang pelajaran. - Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif. - Susah memahami dan mengingati ajaran guru. <p>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)</p>	2 isi x 2 m = 4 m

	(iii)	<p>Dua perkara yang boleh dilakukan oleh pelajar untuk mengenang jasa dan pengorbanan guru.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendoakan(Isi: 1m)/kebaikan guru(H: 1m) - Mengeratkan hubungan silaturrahim(Isi: 1m)/walaupun telah tamat pengajian(H: 1m) - Menziarahi guru(Isi: 1m)/pada hari perayaan/guru sakit(H: 1m) - Menghormati guru(Isi: 1m)/sepanjang masa(H: 1m) - Mengucapkan terima kasih(Isi: 1m)/ketika memperoleh kejayaan(H: 1m) <p>Catatan: Jawapan memerlukan isi dan huraian. (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)</p>	<p>2 isi x 2 m = 4 m</p>
	(b)	<p>Dua contoh amalan baik ketika bergaul dengan keluarga.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ziarah-menziarahi - Memberi salam - Mengasihi yang lebih muda - Menghormati yang lebih tua - Nasihat-menasihati ke arah kebaikan - Bersopan apabila bercakap - Bekerjasama dalam perkara kebaikan <p>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)</p>	<p>2 isi x 1 m = 2 m</p>
	(c) (i)	<p>Dua adab ketika berada di dalam masjid.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menunaikan solat Tahiyatul Masjid - Berniat iktikaf - Duduk mengadap kiblat - Menuntut ilmu - Menunaikan solat - Membaca al-Quran/Berzikir/Berselawat/Berdoa - Tidak melakukan perkara yang tidak berfaedah <p>(Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)</p>	<p>2 isi x 2 m = 4 m</p>

	(ii)	<p>Kelebihan menjaga adab-adab di dalam masjid atau surau.</p> <ul style="list-style-type: none">- Dapat menunaikan ibadat dengan selesa dan khusyuk(Isi:1m)/kerana bersih dan ceria(H:1m)- Dirahmati oleh Allah SWT(Isi:1m)/melalui ibadat dan majlis-majlis ilmu yang dianjurkan(H:1m)- Melahirkan suasana harmoni dan menarik minat orang bukan Islam(Isi:1m)/kerana terdapat aktiviti-aktiviti yang berfaedah di masjid(H:1m)- Umat Islam disegani dan dipandang mulia(Isi:1m)/oleh masyarakat lain(H:1m)- Allah SWT akan mengampunkan dosa(Isi:1m)/orang-orang yang menjaga adab-adab di masjid(H:1m) <p>Catatan: Jawapan memerlukan isi dan huraian. (Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima)</p>	<p>1 isi x 2 m = 2 m</p>
--	------	--	------------------------------

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT